

175

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 8 MAC 2018

SOALAN :

YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik bilangan pelancong yang melawat Sabah mengikut daerah, bilangan pelancong dan pendapatan yang dijana, khususnya di Sandakan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Tourism Malaysia (TM) tidak mempunyai data jumlah kedatangan pelancong ke daerah-daerah di Malaysia atau Sabah secara terperinci. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Sabah Tourism Board, seramai 3,684,734 orang telah melawat Sabah pada tahun 2017 di mana 1,235,178 orang merupakan pelawat antarabangsa manakala pelawat tempatan pula berjumlah seramai 2,449,556 orang. Bagi tahun 2017, anggaran jumlah pendapatan pelancong yang melawat ke negeri Sabah adalah sebanyak RM7.829 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 8% daripada RM7.249 bilion pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.